

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HIU 302 Pendidikan Rohaniah di dalam Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab **EMPAT [4]** soalan.

Setiap jawapan hendaklah dikemukakan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-hadith.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Rohaniah insan berkait rapat dengan dua aspek utama iaitu Aqidah dan Syari'ah. Berdasarkan pernyataan ini huraikan dua perkara berikut:
 - (a) Tawhid memberi kesan positif terhadap perkembangan rohaniah insan.
 - (b) Konsep insan kamil akan tergugat seandainya hubungan iman, Islam dan ihsan tidak berfungsi sewajarnya.
2. Semua amalan yang baik dibentuk oleh hati yang baik, demikian sebaliknya. Peranan hati (al-Qalb) di dalam konteks pendidikan rohaniah sangat penting. Berdasarkan pernyataan ini huraikan bagaimana proses Riyadah Rohaniah yang didokong oleh sebahagian besar ahli-ahli kerohanian Islam dalam pendekatan Tazkiah al-Nafs.
3. Aliran pemikiran tasawwuf di abad-abad kedua dan ketiga hijrah menampakkan sedikit sebanyak perbezaan antara tokoh-tokoh Sufi; antaranya ialah Shaykh Hassan al-Basri, Rabi'at al-'Adawiyyah, Abu Mansor al-Hallaj. Berdasarkan ini bincangkan beberapa perbezaan yang dapat anda fahami dari sudut pendidikan rohaniah.

4. Al-Ghazali mempunyai pendekatan yang dianggap antara yang terbaik dalam menangani persoalan batin, khususnya dari sudut pembersihan jiwa dari sifat-sifat Madhmumah. Bincangkan pendekatan al-Ghazali dalam konteks menghapuskan sifat-sifat Riya' 'Ujub dan Takabbur.

5. Al-Ghazali dianggap sebagai tokoh sufi aliran Sunni yang diterima oleh setiap generasi. Aliran Sufinya telah melahirkan karya-karya besar seperti Ihya' 'Ulum al-Din. Berdasarkan ini bincangkan beberapa aspek tentang konsep azkar dan aurad yang dikemukakan oleh beliau dalam kitab tersebut.

-oooOOOooo-